

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# PM garis nilai murni untuk meningkatkan pengeluaran

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggariskan beberapa nilai murni yang menjadi "kunci" ke arah meningkatkan daya pengeluaran negara.

Beliau berkata, nilai-nilai itu ialah disiplin, bekerja kuat, jujur, cermat, rajin dan sentiasa bersedia untuk belajar.

"Ini adalah kunci kepada daya pengeluaran kerana sebanyak manapun modal dan tanggungjawab yang dicurahkan tidak akan seproduktif etika yang baik di kalangan orang-orang kita.

"Kalau kita mahu menjadi produktif, kita terpaksa lah mengamalkan nilai-nilai ini. Sebenarnya tidak ada jalan lain," katanya dalam majalah 'Daya Pengeluaran' terbitan sulung Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN).

Menurut Perdana Menteri, nilai-nilai itu sebenarnya menyentuh aspek kebudayaan dan sistem nilai yang menjadi sebahagian besar dari kebudayaan.

Katanya, jika kebudayaan menekankan disiplin, kejujuran dan ketekunan, adalah tidak sukar untuk menerapkan nilai ketekunan ke dalam bidang pekerjaan.

Sebaliknya, tambah beliau, jika kebudayaan menekankan konsep perseorangan dan kepentingan berpadu yang mementingkan diri sendiri, maka pengembangan nilai itu adalah sukar dilakukan.

Kebudayaan Jepun dan Korea menekankan kepentingan kelompok serta kepatuhan kepada pemimpin dan ini memudahkan usaha menerapkan nilai ketekunan ke dalam bidang pekerjaan, jelasnya.

"Kebudayaan adalah diwarisi tetapi ia tidak kaku. Melalui masa, ia mengalami perubahan yang samar dan kadangkala perubahan yang radikal.

## Etika barat

"Kebudayaan boleh mengalami perubahan yang dapat memberi harapan kepada kita untuk secara yang kita sedari dapat mewujudkan satu etika kerja baru di Malaysia.

"Kita boleh menyemai nilai kebudayaan yang dapat membantu pengembangan dan kekuatan Malaysia. Ini dapat dilakukan tanpa semestinya menghancurkan identiti dan kepercayaan kita," tambahnya.

Sebenarnya, jelas Datuk Seri Dr Mahathir, kebanyakan nilai-nilai yang dapat membantu memupuk kesejahteraan negara telah menjadi sebahagian dari sistem etika negara ini.

"Masalahnya hanya kita tidak menekankan dan mengamalkannya kerana kita terlalu dipengaruhi oleh etika barat semasa. Disiplin dan kejujuran di kalangan pekerja adalah disatukan bukan sahaja oleh tradisi, tetapi juga oleh agama.

"Kita sangat kekurangan amalan-amalan murni ini. Dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran, keseluruhan nilai-nilai ini amat diperlukan," kata beliau lagi.